

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI (LABUAN)

SOALAN

DATUK ROZMAN BIN ISLI (LABUAN) minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan pecahan penggunaan elektrik bagi pengguna domestik dan komersial dan industri bagi tahun 2020, 2021, Januari – Jun 2022.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Jumlah jualan elektrik bagi tahun 2020 adalah sebanyak 110,879,251 Mega-Watt jam (MWj) dengan pecahan jualan mengikut kategori seperti berikut:
 - a) Domestik sebanyak 29,960,590 MWj (27%);
 - b) Perdagangan sebanyak 35,831,498 MWj (32.4%);
 - c) Perindustrian sebanyak 42,789,848 MWj (38.6%); dan
 - d) Lain-lain sebanyak 2,297,315 MWj (2%).
2. Manakala, jualan elektrik bagi tahun 2021 adalah sebanyak 111,858,008 MWj iaitu peningkatan sebanyak 0.88% berbanding tahun 2020 dengan pecahan jualan mengikut kategori seperti berikut:
 - a) Domestik sebanyak 31,485,409 MWj (28.2%);
 - b) Perdagangan sebanyak 34,059,704 MWj (30.5%);
 - c) Perindustrian sebanyak 43,966,976 MWj (39.3%); dan
 - d) Lain-lain sebanyak 2,345,919 MWj (2%).
3. Jualan elektrik bagi tempoh Januari hingga Mei 2022 adalah sebanyak 49,116,504 MWj dengan pecahan jualan mengikut kategori seperti berikut:
 - a) Domestik sebanyak 13,258,152 MWj (27%);
 - b) Perdagangan sebanyak 16,053,536 MWj (32.7%);
 - c) Perindustrian sebanyak 18,815,021 MWj (38.3%); dan
 - d) Lain-lain sebanyak 989,795 MWj (2%)

Sekian, terima kasih.